



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA DAN
PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA DI LUAR NEGERI (DIA) 2021**

**FDI Malaysia merekodkan RM48.1 bilion pada tahun 2021,
tertinggi sejak tahun 2016, signal pemulihan yang baik
pada masa hadapan**

PUTRAJAYA, 17 JUN 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia dan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) bagi tahun 2021**. Pelaburan asing di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih RM48.1 bilion pada tahun 2021 berbanding RM13.3 bilion pada tahun sebelumnya, manakala, pelaburan di luar negeri mencatatkan RM19.7 bilion (2020: RM10.2 bilion). Sehingga akhir tahun 2021, FDI terkumpul di Malaysia mencatatkan nilai yang lebih tinggi sebanyak RM788.8 bilion.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Aktiviti ekonomi mulai pulih secara perlahan-lahan selepas terkesan daripada pandemik COVID-19. Berdasarkan *World Investment Report* oleh *UN Conference on Trade and Development (UNCTAD)*, aliran FDI ke negara-negara membangun di Asia meningkat sebanyak 19 peratus iaitu USD619 bilion pada tahun 2021. Oleh yang demikian, pelaburan asing ke Malaysia pada 2021 meningkat untuk mencatatkan RM48.1 bilion, tertinggi sejak 2016."

Mengulas lanjut berkaitan prestasi FDI mengikut sektor, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa sektor Pembuatan mengembang sebanyak RM22.5 bilion untuk merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM29.5 bilion yang

menyumbang kepada aliran masuk terbesar dalam FDI. Sektor Pembuatan menarik 61.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan, terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan lain-lain pembuatan. Sementara itu, Perkhidmatan merupakan penyumbang kedua tertinggi terutamanya dalam aktiviti kewangan, diikuti oleh sektor Perlombongan yang menerima dalam bentuk ekuiti & dana pelaburan saham.

Menjelaskan lebih lanjut berkenaan pelaburan Malaysia dengan lebih daripada 190 buah negara, Ketua Perangkawan Malaysia menambah, “Rantau Asia kekal menjadi sumber utama FDI di Malaysia bagi tahun 2021 dengan aliran masuk bersih sebanyak RM22.5 bilion, kebanyakannya diterima dari Singapura, Jepun dan Republik Korea yang berjumlah RM17.0 bilion. Rantau Asia juga turut menjadi sumber utama kedudukan FDI dengan nilai sebanyak RM413.1 bilion, diikuti oleh Eropah pada RM207.7 bilion dan Amerika pada RM153.0 bilion pada akhir tahun 2021.”

Pada akhir tahun 2021, kedudukan FDI telah meningkat sebanyak RM103.9 bilion untuk mencatatkan nilai RM788.8 bilion. Sektor Perkhidmatan merupakan penerima terbesar pada 49.2 peratus atau RM388.4 bilion, dipacu oleh aktiviti kewangan dan borong runcit. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi sebanyak 42.2 peratus daripada keseluruhan FDI, terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan lain-lain pembuatan.

“Seperti mana prestasi FDI, aliran DIA meningkat sebanyak RM9.5 bilion untuk merekodkan RM19.7 bilion disebabkan oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Pembuatan memintas Perkhidmatan sebagai sektor utama bagi DIA, menyumbang 40.5 peratus daripada keseluruhan pelaburan terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan lain-lain pembuatan. Sementara itu, sektor Perkhidmatan menyumbang 30.3 peratus terutamanya dalam aktiviti kewangan. Eropah kekal sebagai rantau utama bagi aliran DIA pada tahun 2021 dengan sumbangan sebanyak 54.9 peratus terutamanya ke Belanda dan United Kingdom. Secara keseluruhannya, pelaburan ini kebanyakannya disalurkan ke Belanda, Kanada dan Indonesia,” maklum Ketua Perangkawan.


Aliran DIA terutamanya adalah dalam bentuk Ekuiti & dana pelaburan saham dengan sumbangan sebanyak 61.7 peratus disumbangkan oleh keuntungan yang dikekalkan di luar negeri walaupun mengalami aliran keluar yang lebih rendah dalam ekuiti. Pada masa yang sama, Instrumen hutang merekodkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi hasil daripada aktiviti dalam kredit perdagangan. Pada akhir tahun 2021, kedudukan DIA berada pada RM547.0 bilion daripada RM515.1 bilion pada tahun sebelumnya. Singapura, Indonesia dan United Kingdom kekal sebagai tiga destinasi utama bagi para pelabur.

Analisis lanjut ke dalam pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan pada tahun 2021, beliau berkata pemulihan berkala ekonomi global selepas terkesan daripada pandemik COVID-19 telah menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi bagi kedua-dua FDI dan DIA berbanding pada tahun sebelumnya. Secara purata, pulangan pelaburan bagi syarikat FDI meningkat kepada RM0.13 daripada RM0.06 pada 2021 bagi setiap RM1.00 nilai pelaburan. Pada masa yang sama, syarikat Malaysia menerima RM0.11 bagi setiap RM1.00 pelaburan di luar negara. Sektor Pembuatan memperoleh pendapatan yang tertinggi bagi kedua-dua FDI dan DIA.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Carta 1: Prestasi pelaburan Malaysia 2010 – 2021 (RM bilion)



Paparan 1: Pelaburan Langsung 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

17 JUN 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

STATISTICS OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT (FDI) IN MALAYSIA AND
MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD (DIA) 2021

***Malaysia's FDI recorded RM48.1 billion in 2021,
the highest since 2016, signalling the robust recovery ahead***

PUTRAJAYA, 17 JUNE 2022 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published the **Statistics of Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia and Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) for 2021**. Foreign investment into Malaysia recorded net inflows of RM48.1 billion in 2021 as compared to RM13.3 billion in the previous year, while investment abroad registered RM19.7 billion (2020: RM10.2 billion). As at the end of 2021, FDI position registered a higher value of RM788.8 billion.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, "The economic activities were gradually recovering from the after effect of the COVID-19 pandemic. Based on World Investment Report by UN Conference on Trade and Development (UNCTAD), FDI flows to developing countries in Asia rose by 19 per cent of USD619 billion in 2021. As such, the foreign investment into Malaysia in 2021 rose to register RM48.1 billion, the highest since 2016."

Commenting further on the FDI performance by sector, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that the Manufacturing sector expanded by RM22.5 billion to record net inflows of RM29.5 billion which attributed to the largest flows in FDI. Manufacturing sector attracting 61.4 per cent of total investment, particularly in Electrical, transport equipment and other manufacturing subsector. Meanwhile, Services was the second

highest contributor mainly in financial activities, followed by Mining sector which received in equity & investment fund shares.

Elaborating further on Malaysia's investments with more than 190 countries, the Chief Statistician Malaysia added, "Asia region continued to be the top source of FDI in Malaysia for 2021 with net inflows of RM22.5 billion, mostly received from Singapore, Japan and Republic of Korea which amounted to RM17.0 billion. The Asia region also has been the predominant source for FDI position with a value of RM413.1 billion, followed by Europe at RM207.7 billion and Americas at RM153.0 billion as at the end of 2021."

As at the end of 2021, FDI position has increased by RM103.9 billion, accumulated to RM788.8 billion. The Services sector remained the largest recipient at 49.2 per cent or RM388.4 billion, driven by financial and wholesale activities. This was followed by Manufacturing sector which accounted for 42.2 per cent of total FDI, particularly in Electrical, transport equipment and other manufacturing subsector.

"Similar to FDI performance, the DIA flows rose by RM9.5 billion to record RM19.7 billion owing to higher investment in the Manufacturing and Services sectors. Manufacturing overtook Services as a primary sector for DIA, contributing 40.5 per cent of the total investment especially in Electrical, transport equipment and other manufacturing subsector. Meanwhile, the Services sector contributed 30.3 per cent particularly in financial activities. Europe was the leading region of DIA flows in 2021 with a share of 54.9 per cent notably to the Netherlands and the United Kingdom. Overall, these investments were mainly channelled to the Netherlands, Canada and Indonesia," informed Chief Statistician.

DIA flows were predominantly in the form of Equity & investment fund shares with a share of 61.7 per cent attributed to higher profit retained abroad albeit lower outflows in equity. In the meantime, Debt instruments recorded higher net outflows as a result of activities in trade credit. As at the end of 2021, the DIA position stood at RM547.0 billion from RM515.1 billion in the preceding year in which Singapore, Indonesia and the United Kingdom remained as the top three destinations for investors.

Further analysis into the income gained on investment in 2021, he said a gradual recovery in the global economy from the after effects of the COVID-19 pandemic has resulted in higher income for both FDI and DIA as compared to the previous year. On average, the return on investment (ROI) for FDI companies increased to RM0.13 from RM0.06 in 2020 for every RM1.00 of investment. On the other hand, Malaysian companies received RM0.11 for every RM1.00 of investment abroad. Manufacturing sector attained the highest income from both FDI and DIA.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Chart 1: Malaysia's investment performance for 2010 – 2021 (RM billion)





Exhibit 1: Direct investment 2021



Released By:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

17 JUNE 2022